

Bersaing dengan kereta negara2 lain

Galakan eksport Proton Saga: PM

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan mungkin perlu menyediakan satu bentuk galakan bagi membolehkan Proton Saga dieksport dengan harga yang bersaing dengan kereta-kereta buatan negara lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri memberitahu Dewan Rakyat hari ini, penyediaan galakan adalah amalan biasa bagi negara-negara yang ingin mengeksport kereta buatan mereka.

"Ini adalah perlu untuk mendapatkan pertukaran asing," ujarnya ketika menjawab soalan tambahan Wan Mohd Najib Wan Mohamad (BN-Pasir Putih).

Beliau juga memberitahu ahli itu, adalah tidak wajar untuk mengeksport kereta nasional ke Jepun kerana harga kereta di negara itu sangat murah.

Jika kita ingin mengeksport

Proton Saga ke Jepun, ini bermakna kita mungkin terpaksa menyediakan galakan dan ini tentu tidak dapat diterima oleh rakyat negara ini," tambahnya.

Menjawab soalan Encik Lee Lam Thye (DAP—Kuala Lumpur Bandar), Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan masih belum menetapkan harga penjualan Proton Saga kerana banyak faktor yang berkaitan kos kereta itu belum dapat dipastikan.

Teknologi

Perdana Menteri berkata, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh kerajaan bagi memastikan pemindahan teknologi pembuatan kereta nasional berjalan lancar dan mencapai matlamat 100 peratus.

Antaranya ialah; pelaksanaan program latihan yang intensif dalam bentuk teori, latihan amali dalam kilang serta percubaan dan pendedahan oleh kakitangan Proton dengan harapan akan mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab

membuat kereta dalam masa dua tahun.

Percancangan yang rapi sedang diatur untuk mengenalpasti bidang-bidang yang perlu diambil alih sepenuhnya oleh Proton. Pihak Mitsubishi Motors Corporation dan Mitsubishi Corporation sebagai rakan usahasama adalah bertanggungjawab untuk mengajar dan melatih kakitangan Proton sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian usahasama.

Jawatankuasa pemindahan teknologi yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sentiasa meneliti dan mengawasi program-program pemindahan teknologi agar berjalan lancar, terutamanya mengenai projek kereta nasional, dan

Percancangan sedang diatur untuk mengadakan pengajian dalam bidang kejuruteraan automatik di institusi-institusi pengajian tinggi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, untuk memastikan alat-alat gantian keluaran tempatan mencapai mutu di segi keupayaan dan keselamatan, kerajaan akan menjalankan

langkah-langkah berikut:-

● Kerajaan, melalui Sirim, telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi meneliti alat-alat gantian keluaran tempatan menurut piawaian yang telah ditetapkan. Alat-alat ini juga menjalani ujian bentuk 'visual' dan ujian prestasi.

● Proton akan menguji setiap alat yang dikeluarkan oleh pengusaha tempatan menurut spesifikasi yang ditetapkan. Ujian ini yang meliputi ujian dimensi, kualiti, prestasi, keupayaan dan keselamatan akan dijalankan di Jepun dan di Malaysia.

● Proton akan meningkatkan kemampuan teknologi pengeluaran dan penggunaan bagi alat-alat tempatan di segi keupayaan dan keselamatan melalui percancangan penyelidikan dan pembangunannya, dan

● Pengusaha tempatan juga akan memperolehi teknologi baru mengenai pengeluaran komponen tempatan daripada rakan-rakan usahasama mereka yang mana akan meningkatkan lagi mutu alat-alat gantian yang merekahasilkan.